

NOTA TEKNIKAL

Pengenalan

Laporan Awalan Indeks Harga Kesihatan Tahunan, 2025 ini menerangkan secara ringkas *Overview* Sektor Kesihatan, Ringkasan Penemuan dan Jadual Statistik Indikator Kesihatan di Malaysia.

Pembangunan IHK merangkumi item kesihatan daripada tiga kategori iaitu:

- i. Ubat;
- ii. Peralatan Kesihatan; dan
- iii. Perkhidmatan Kesihatan

Konsep dan Definisi

a) Indeks Harga Kesihatan

Indeks Harga Kesihatan (IHK) mengukur perubahan peratus kos pembelian bagi bakul tetap barangan dan perkhidmatan kesihatan yang mewakili corak purata pembelian oleh isi rumah pada suatu tempoh masa yang ditetapkan. Bakul ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh diukur secara berterusan di pasaran dan perkhidmatan yang kebanyakan digunakan berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Terdapat perluasan liputan barangan dan perkhidmatan dalam bakul ini. Pengelasan bakul adalah berdasarkan kod *Classification of Individual Consumption According to Purpose* (COICOP) yang merujuk kepada *United Nations* (UN). Tiga kumpulan dalam

Malaysia Classification of Individual Consumption According to Purpose (MCOICOP) telah diliputi dalam pembangunan IHK iaitu:

- **Kumpulan 06: Kesihatan**
- **Kumpulan 12: Insurans & Perkhidmatan Kewangan**
 - Kelas perbelanjaan Insurans berkaitan dengan kesihatan
- **Kumpulan 13: Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan**
 - Kelas perbelanjaan Perlindungan sosial

b) Ubat

Ubat merujuk kepada bahan atau persediaan yang mengandungi satu atau lebih bahan aktif yang digunakan untuk mendiagnosis, merawat atau mencegah penyakit serta memulihkan, membetulkan atau mengubah fungsi fisiologi. Ubat bukan sekadar bahan rawatan, ia adalah produk yang dikawal, diuji dan diiktiraf secara sah untuk kesihatan manusia.

c) Peralatan Kesihatan

Peralatan Kesihatan merujuk kepada setiap alat atau instrumen, peranti, mesin, implan, bahan atau perisian yang digunakan untuk mendiagnosis, mencegah, memantau, merawat, mengurangkan penyakit, memulihkan kesihatan atau membaiki fungsi tubuh manusia, yang bertujuan menyokong atau mengekalkan hayat manusia. Peralatan Kesihatan bukan sekadar alat fizikal, ia merupakan komponen penting yang perlu mematuhi piawaian keselamatan, keberkesanan dan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan perubatan yang tepat, selamat dan berkualiti.

d) Perkhidmatan Kesihatan

Perkhidmatan Kesihatan merujuk kepada penyediaan penjagaan kesihatan yang komprehensif merangkumi semua perkhidmatan berkaitan diagnosis, rawatan penyakit, promosi dan pencegahan, pemeliharaan dan pemulihan kesihatan untuk

memastikan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial individu mahupun komuniti atau dengan maksud lain memenuhi dan menyokong secara holistik keperluan kesihatan manusia.

e) Kelahiran hidup

Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

Formula Kadar Kelahiran Kasar:

$$= \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun}_t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun}_t} \times 1,000$$

f) Kelahiran mati

Merujuk kepada kelahiran selepas kehamilan 28 minggu atau lebih yang tiada tanda bernyawa semasa dilahirkan.

Formula Kadar Kelahiran Mati:

$$= \frac{\text{Bilangan kelahiran mati dalam tahun}_t}{(\text{Bilangan kelahiran hidup} + \text{Bilangan kelahiran mati}) \text{ dalam tahun}_t} \times 1,000$$

g) Hospital

Berdasarkan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Pindaan 1 Mei 2006), mana-mana premis, yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi penerimaan, penginapan, rawatan dan penjagaan orang yang memerlukan rawatan perubatan atau yang menghidap apa-apa penyakit atau yang memerlukan rawatan pergigian yang memerlukan kemasukan ke hospital.

Kebiasaannya hospital akan menyediakan perkhidmatan pesakit dalam, perkhidmatan penjagaan ambulatori, pakar pesakit luar dan perkhidmatan kecemasan serta disokong oleh perkhidmatan klinikal atau bukan klinikal. Sebuah hospital akan dikenali sebagai hospital multidisiplin jika menyediakan tujuh multidisiplin iaitu Perubatan (Medical), Pembedahan (Surgical), Obstetrik & Ginekologi (Obstetric & Gynaecology), Pediatrik (Paediatric), Ortopedik (Orthopaedic), Radiologi (Radiology) dan Anestesiologi (Anaesthesiology). Terdapat sebahagian hospital yang menyediakan kesemua multidisiplin dan ada yang menyediakan sebahagian sahaja.

h) Institusi Perubatan Khas¹

Institusi Perubatan Khas merupakan hospital yang memberi rawatan perubatan dan penjagaan hanya untuk satu disiplin sahaja. Kategori ini tidak termasuk jabatan khas yang terletak di bawah pentadbiran hospital besar yang kadangkala diletakkan di tempat berasingan. Ini memandangkan bilangan katil yang disediakan telah dikira dalam jumlah katil hospital besar.

i) Katil

Bilangan katil merangkumi katil yang diselenggara secara berterusan bagi menempatkan dan mengadakan rawatan sepenuh masa kepada pesakit dalaman yang silih berganti. Katil tersebut diletakkan di wad atau di kawasan hospital di mana rawatan perubatan boleh diberi secara berterusan kepada pesakit dalaman. Bilangan katil meliputi jumlah katil yang biasanya terdapat di hospital, termasuk katil berkandang atau buaian yang disediakan bagi bayi yang memerlukan rawatan khas (seperti yang terdapat di Nurseri Rawatan Khas) dan tidak termasuk katil di bilik bersalin, katil yang digunakan selepas pembiusan atau pembedahan, di mana ia tidak diselenggarakan untuk kegunaan pesakit secara berterusan. Katil untuk rawatan pemerhatian atau pemulihan di jabatan pesakit luar dan katil berkandang yang digunakan untuk bayi yang baru lahir di wad *obstetric* juga tidak diambil kira. Bilangan katil merujuk kepada katil rasmi.

¹ Merujuk kepada Institut Perubatan Respiratori, Institut Kanser Negara, Pusat Kawalan Kusta Kebangsaan, Institusi Psikiatri (4), Hospital Rehabilitasi, Pusat Jantung Sarawak serta Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (2)

j) Penyakit Berjangkit atau *Communicable Disease* (CD)

Dikenali sebagai penyakit infeksi atau *transmissible disease*. Penyakit berjangkit disebabkan oleh mikroorganisma seperti bakteria, virus, kulat dan parasit, yang mudah tersebar daripada seorang individu ke individu lain melalui pelbagai medium, termasuk udara, air, makanan, sentuhan fizikal atau vektor seperti nyamuk. Penyakit berjangkit seperti demam denggi kekal menjadi kebimbangan utama.

k) Penyakit Tidak Berjangkit atau *Non-Communicable Disease* (NCD)

Dikenali sebagai penyakit kronik yang tidak menular kepada individu lain, lazimnya bersifat jangka panjang, yang berpunca daripada gabungan faktor genetik, fisiologi, persekitaran dan tingkah laku. Penyakit tidak berjangkit yang utama adalah penyakit kardiovaskular (seperti serangan jantung dan strok), kanser, penyakit pernafasan kronik (seperti penyakit paru-paru obstruktif kronik dan asma) dan diabetes.

l) Kematian

Indikator kematian dikira menggunakan anggaran penduduk pertengahan tahun semasa, kelahiran hidup dan kelahiran mati.

Formula Kadar Kematian Kasar:

$$= \frac{\text{Bilangan kematian dalam tahun}_t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun}_t} \times 1,000$$

m) Sebab Utama Kematian (disahkan secara perubatan)

Secara perubatan merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan dan Koroner sahaja. Sebab kematian yang disahkan dikelaskan berdasarkan *International Statistical Classification of Diseases and Related Health Problems, 10th Revision* (ICD-10) yang diterbitkan oleh *World Health Organization* (2010).

n) Orang Kurang Upaya

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, “OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”.

Sumber Data

Sumber data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh daripada agensi berikut:

- i. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
- ii. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- iv. Kementerian Kewangan
- v. Bank Negara Malaysia

Data IHK dikumpulkan dengan gabungan dua kaedah iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan melalui pungutan harga yang dijalankan oleh DOSM manakala data sekunder diperoleh melalui permohonan data daripada kementerian dan agensi. Selain itu, data sekunder juga dikumpulkan melalui *web search* dan *data crawl*. Pengumpulan data dijalankan sehingga ke peringkat negeri dan *sample* terpilih daerah pentadbiran. Data yang diterima kemudiannya disusun berdasarkan spesifikasi item dan dibersihkan. Proses verifikasi dan standardisasi turut dilaksanakan bagi memastikan keseragaman, ketepatan dan kelengkapan data yang bertujuan untuk analisis data dan pengiraan indeks serta pelaporan.

Metodologi Pengiraan Indeks

Kadar perubahan yang ditunjukkan oleh pergerakan harga boleh dikira dalam beberapa kaedah. Tiga kaedah pengiraan yang digunapakai pada masa kini ialah perubahan peratus di antara suku tahun dan bagi suku tahun yang sama tahun sebelumnya (tahun ke tahun); suku tahun semasa dengan suku tahun sebelumnya

(suku tahun ke suku tahun) dan perubahan peratus antara purata tahunan tahun semasa yang spesifik dengan purata tahunan yang sama ditetapkan pada tahun sebelumnya. Contoh berikut menunjukkan cara mengira perubahan mata indeks dan perubahan peratus.

Perubahan Mata Indeks

Indeks Harga Kesihatan semasa	125.4
Jumlah Indeks Sebelumnya	<u>124.3</u>
Bersamaan dengan	<u>1.1</u>

Peratus Perubahan

Perubahan mata indeks dibahagi dengan indeks sebelumnya, didarab dengan seratus

$$= \frac{125.4 - 124.3}{124.3} \times 100$$

$$= 0.9\%$$

Pindaan

Pindaan dibuat kepada angka yang telah diterbitkan berdasarkan angka terkini yang diperoleh.